

10/04/2003

BPR kemuka cadangan perbaiki amalan kerja

Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Badan Pencegah Rasuah (BPR), dijangka mengemukakan cadangan untuk memperbaiki amalan, sistem dan tatacara kerja di pejabat tanah dan pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara dalam tempoh terdekat ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Zulkipli Mat Noor, berkata cadangan itu akan dirangka sebaik pihaknya selesai meneliti laporan pemeriksaan yang dijalankan pegawai BPR di kedua-dua agensi terbabit.

Katanya, pemeriksaan pegawai Bahagian Pencegahan BPR di sebahagian besar pejabat tanah dan PBT di seluruh negara dimulakan akhir Januari lalu dan selesai bulan lalu.

"Laporan lengkap berhubung hasil pemeriksaan itu sedang disiapkan dan saya akan menelitinya dan mengemukakan pandangan untuk melakukan perubahan, memperketatkan dan membaiki sistem dan tata cara kerja bagi mengelak kejadian rasuah.

"Jika pemeriksaan mengesan pelakuan rasuah di kalangan pegawai dan kakitangan PBT dan pejabat tanah, laporan siasatan akan dibuat untuk tindakan lanjut," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Sebelum ini, laporan khas Berita Harian mendedahkan kerenah birokrasi dalam pentadbiran dan pengurusan pejabat tanah sehingga ada permohonan yang dikemukakan 50 tahun lalu belum diselesaikan.

Tinjauan di kalangan ejen hartanah, juru lelong berlesen dan beberapa kerani firma guaman pula mendapati amalan menyogok wang berleluasa sejak dulu lagi dan semua pelanggan mereka juga bersedia membayar sogokan bagi mempercepatkan urusan.

Beberapa pihak memberitahu, proses pengeluaran surat keizinan memindah hak milik hartanah pegangan gadaian biasanya mengambil masa kira-kira tiga bulan tetapi boleh disingkatkan kepada seminggu atau selewat-lewatnya sebulan selepas dibayar wang sogokan kepada orang tengah.

Wang sogokan yang diminta ialah di antara RM300 dan RM500, bergantung kepada orang tengah yang menjadi perantaraan.

Sebelum itu, Biro Pengaduan Awam (BPA), Jabatan Perdana Menteri memaklumkan, aduan mengenai pejabat tanah adalah kedua paling tinggi diterima selepas aduan terhadap pihak berkuasa tempatan.

Pada 1999, BPA menerima 553 aduan terhadap pejabat tanah dan meningkat kepada 805 aduan tahun lalu, manakala sehingga Jun tahun ini pula, 454 aduan diterima terhadap agensi itu dengan purata 40 hingga 50 peratus aduan itu adalah berasas.

Berikutan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kerajaan memulakan kajian menyeluruh bagi menangani kerenah birokrasi di pejabat tanah seluruh negara, selepas kerajaan menerima aduan orang ramai seperti masalah kelewatan dalam menguruskan pengeluaran geran.

Zulkipli berkata, pemeriksaan itu dijalankan mengikut Seksyen 8(C), (D) dan (E) Akta Pencegahan Rasuah 1997, yang memperuntukkan kuasa kepada pegawai BPR untuk memeriksa dan meneliti amalan, sistem dan tatacara kerja jabatan kerajaan serta organisasi awam dan swasta.

Beliau berkata, pemeriksaan yang dijalankan termasuk meneliti pelbagai dokumen dan rekod serta mengambil keterangan pegawai dan kakitangan.

Katanya, pejabat tanah dan PBT menjadi tumpuan BPR kerana kajian dalaman agensi itu mendapati jabatan itu menerima banyak aduan membabitkan amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Beliau berkata, langkah BPR menjalankan pemeriksaan itu juga untuk mengenal pasti kelemahan yang mendorong kepada rasuah di kedua-dua agensi

berkenaan.